

18 FEB 1999

Mahathir-Undang-undang

UNDANG-UNDANG NEGARA DILAKSANA DENGAN ADIL, KATA DR MAHATHIR

PENAMPANG, 18 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat tidak harus merasa rendah diri dengan sistem undang-undang negara ini kerana ia dilaksanakan berlandaskan prinsip keadilan yang sama rata.

Perdana Menteri berkata undang-undang di negara ini tidak kurang adilnya berbanding di negara lain malah ia lebih adil kerana ia dijalankan tanpa mengira kedudukan seseorang.

"Sebab itu kita di Malaysia tidak harus berasa rendah diri daripada segi penguatkuasaan undang-undang...sememangnya kita lebih prihatin, lebih bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang," katanya ketika melancarkan Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah di sini.

Dr Mahathir yang tiba pagi tadi untuk lawatan tiga hari ke Sabah, berkata dalam proses penguatkuasaan undang-undang itu, tidak ada pilih kasih yang dilakukan "walaupun seseorang itu adalah kawan kita yang lama, walaupun dia begitu dekat dengan kita."

"Apabila dia melakukan sesuatu (yang dianggap) salah, maka dia perlu dihadapkan ke mahkamah dan mahkamah akan memutuskan sama ada dia salah atau tidak," kata beliau.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, banyak contoh di negara barat menunjukkan prinsip keadilan telah tidak dapat dilaksanakan dengan sewajarnya walaupun negara berkenaan heboh memperkatakan mengenai perlunya prinsip pemerintahan mengikut prinsip undang-undang.

"Apabila sahaja kita melakukan sesuatu yang adil, mereka terus menuduh bahawa kita tidak adil seolah-olah kita bangsa-bangsa di Timur ini tidak mempunyai pegangan yang kuat terhadap keadilan," katanya.

Sebenarnya, kata Dr Mahathir, merekalah (negara barat) yang tidak adil kepada rakyat mereka kerana "kita dapati mereka memilih bulu, memilih warna dan sebagainya" ketika menguatkuasakan undang-undang.

Beliau berkata bahawa di negara barat, prinsip keadilan sudah tidak bermakna lagi kerana bagi mereka, bukan keadilan yang dihargai tetapi sama ada sesuatu perkara itu disukai ramai atau sebaliknya.

"Kita tidak boleh ikut mereka secara membuta tuli. Kita harus kembali kepada sistem perundangan kita, kepada nilai-nilai hidup yang kita pandang mulia sejak zaman dahulu lagi kerana sistem perundangan kita lebih mengutamakan keadilan daripada kehendak hati mana-mana pihak," katanya.

Mengenai Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, Dr Mahathir berharap ia dapat menyelesaikan banyak isu berkaitan dengan hal ehwal anak negeri di Sabah.

Majlis berkenaan ditubuhkan bagi menggantikan Unit Hal Ehwal Bumiputera dan bertujuan antara lainnya mengawal selia perjalanan institusi berkaitan anak negeri di Sabah termasuk Mahkamah Anak Negeri.

Dr Mahathir berkata sambil meneruskan usaha memulihara adat resam dan budaya warisan anak negeri di Sabah, pengubahsuaian dari semasa ke semasa wajar dilakukan bagi menyesuaikan dengan cabaran semasa.

Beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dengan diiringi Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok kemudian melawat ke kediaman Dompok di Masakazon Heights dekat sini.

Yang turut serta ke kediaman Dompok ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Timbalan Ketua Menteri Datuk Osu Sukam dan beberapa pembesar negeri.

-- BERNAMA

JS MAI